

Headline	Perlu sertai Kabinet		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 May 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Mahkamah	Color	Full Color
Page No	9	ArticleSize	143 cm ²
AdValue	RM 787	PR Value	RM 2,360



Perlu sertai Kabinet

SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR

SHAH ALAM – Kehadiran MCA tetap diperlukan di dalam Kabinet bagi memastikan kerajaan Malaysia diwakili kaum Cina.

Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) akan berdepan masalah jika tiada kaum Cina dalam jemaah menteri yang dibentuk.

“Kabinet yang dibentuk perlu mewakili pelbagai komposisi kaum. Ketiadaan wakil Cina dalam kabinet perlu diatasi segera.

“Mahu tidak mahu, MCA kena sertai juga Kabinet. Jika mereka tarik diri, kabinet seolah-olah tidak sempurna,” katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas keputusan pucuk pimpinan MCA yang tidak mahu menganggotai jemaah menteri baru ekoran prestasi buruk parti itu dalam PRU13.

Dalam pada itu, mengulas saranan bekas Menteri Penerangan, Tan Sri Zainuddin



DR MOHD AZIZUDDIN

Maidin agar DAP menyertai BN bagi memastikan kerajaan Malaysia diwakili kaum Cina, Azizuddin berkata, perkara itu tidak mungkin terjadi kerana DAP sudah selesa dengan kerjasama dalam Pakatan Rakyat (PR).

“Jika mengikut reaksi terkini terutamanya selepas perhimpunan yang diadakan semalam (kelmarin), agak berat untuk melihat DAP akan bergabung dengan BN. Lebih-lebih lagi BN ada timbulkan isu tsunami Cina.

“DAP sendiri sudah selesa dalam PR. Sekiranya DAP dan BN bergabung, PR akan berpecah dan sudah tentu ini hanya memberi kelebihan kepada BN,” katanya.